

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan pelaksanaan aplikasi mobile dan ewallet bagi menggantikan sistem pembayaran tunai parkir jalanan di Kuala Lumpur yang mula berkuatkuasa pada 1 Oktober 2020 sedangkan warganegara kota belum bersedia untuk menggunakannya dan apakah nama syarikat atau pemilik yang menyertai aplikasi baru ini seperti EZ Smart Park, Flexi Parking, Wilayah Parking dan M-Cash.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Kontrak operator tempat letak kereta sebelum ini telah tamat pada 30 September 2020. Kaedah kutipan sebelum ini menggunakan mesin parkir (siling dan kad Touch n Go) dan aplikasi mudah alih yang melibatkan aplikasi Flexiparking, Wilayah Parking, Jom Parking, serta e-wallet iaitu Mcash., Boost dan Touch n Go e-wallet.

Kaedah kutipan menggunakan aplikasi dan e-wallet ini telah bermula sejak 2016 hingga 2018 secara berperingkat Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya pintar juga ingin bersama-sama dengan bandaraya bertaraf maju yang mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam urusan seharian. Perkembangan pesat teknologi aplikasi mudah alih menggunakan telefon pintar telah memudahkan transaksi pembayaran Mulai 1 Oktober 2020, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah

mengambil alih pengurusan tempat letak kereta bahu jalan dan melaksana kaedah bayaran caj letak kereta secara tanpa tunai (*cash less*) sepenuhnya menggunakan aplikasi mudah alih dan e-wallet sedia ada.

DBKL telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan kaedah kutipan secara penggunaan mesin. Ini setelah mengambil kira beberapa faktor seperti rungutan pengguna yang tidak dapat membayar menggunakan mesin disebabkan beberapa faktor, mesin yang tidak dapat digunakan dan lokasi meter yang jauh.

Aplikasi EZ Smart Park merupakan aplikasi milik DBKL yang dibangunkan oleh vendor yang dilantik. Aplikasi Flexiparking, Wilayah Parking, JomParking dan M-Cash merupakan aplikasi sedia ada sebelum DBKL mengambil pengurusan tempat letak kereta bahu jalan. Kesemua aplikasi ini berintegrasi dengan sistem pengurusan tempat Letak kereta DBKL iaitu EZ Smart Park.

Aplikasi Flexiparking dan Wilayah Parking dimiliki oleh LITS Advance Sdn Bhd. Aplikasi Jomparking pula oleh Jom Parkir Sdn Bhd. Aplikasi e-Wallet M-Cash oleh Mruncit Commerce Sdn Bhd.

Aplikasi mudah alih ini bukan hanya boleh digunakan oleh pengguna yang memuat turun aplikasi tersebut, tetapi juga boleh digunakan untuk membayar caj tempat letak kereta bagi pihak orang lain seperti ahli keluarga dan rakan-rakan. Pengguna aplikasi hanya perlu mengunci masuk nombor pendaftaran kenderaan, lokasi dan tempoh masa parking.

Sekian, terima kasih